

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 1 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 24**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1532-L25380  
**Tuan Chow Yu Hui [ Raub ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha Kementerian untuk mempercepatkan proses pengeksportan durian-durian segar ke negara China dan memberi satu jangka masa bila pengeksportan tersebut boleh bermula. Nyatakan kekangan atau masalah yang dihadapi oleh Kementerian dalam proses ini dan apakah cara penyelesaian Kementerian untuk mengatasi kekangan atau masalah tersebut.
  
2. PR-1532-L25121  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan negeri-negeri seterusnya yang disasarkan oleh Kerajaan untuk mencapai sifar miskin tegar serta pelan tindakannya.
  
3. PR-1532-L25971  
**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai 18 lokasi yang akan membina loji 'Waste to Energy' di seluruh negara, termasuk di Pulau Pinang.
  
4. PR-1532-L25114  
**Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [ Kemaman ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh mana Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 berjaya melaksanakan empat misi yang ditetapkan sejak ia dilancarkan hampir setahun yang lalu (Julai 2023) iaitu dalam memajukan ekonomi, meningkatkan produktiviti, menangani perubahan iklim serta menjamin keselamatan rantaian bekalan.

5. PR-1532-L25236  
**Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [ Port Dickson ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini mengenai projek lebuhraya bertingkat dari Tol Senawang PLUS ke susur keluar Lebuhraya Lekas kerana sehingga kini masih tidak nampak pelaksanaan kerja-kerja projek tersebut. Mohon penjelasan status kemajuan terkini.
  
6. PR-1532-L25214  
**Datuk Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah kemalangan berkaitan keselamatan dan Kesihatan pekerjaan (KKP) yang telah direkodkan dan apakah pendekatan terkini yang diambil dalam meningkatkan kesedaran berkaitan KKP dalam kalangan majikan termasuk Perusahaan kecil Sederhana (PKS).
  
7. PR-1532-L24745  
**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [ Sembrong ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah kadar inflasi Malaysia Suku Tahun Pertama 2024. 1.8% mencerminkan realiti ekonomi dan peningkatan kos sara hidup yang sedang dihadapi oleh majoriti rakyat dan pengguna.
  
8. PR-1532-L24559  
**Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhruddin [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bentuk kemudahan yang dinikmati oleh nelayan kecil bertujuan meningkatkan pendapatan melepasi purata pendapatan garis kemiskinan (PGK) 2022.
  
9. PR-1532-L24441  
**Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [ Pekan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah faktor tiada pengambilan doktor pelatih di hospital daerah seluruh negara, sebaliknya mereka ditempatkan di hospital negeri dan hospital utama sahaja. Apakah nisbah semasa doktor dan pesakit pada masa ini dan usaha agresif dalam menangani kekurangan pegawai perubatan yang kritikal.
  
10. PR-1532-L25180  
**Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [ Temerloh ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :
  - (a) apakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan laluan keluar ke Mentakab daripada Lebuhraya Pantai Timur; dan
  
  - (b) adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk membangunkan Terminal Bersepadu ECRL dan KTM di Temerloh.

11. PR-1532-L25422  
**Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi memperkukuhkan pelaksanaan program Rakan Muda di semua daerah menerusi penganjuran program dan aktiviti khusus untuk belia dan bagaimanakah program ini dapat membentuk nilai kepada golongan belia.
12. PR-1532-L24992  
**Kapten Dato' Dr. Zulkaferi bin Hanapi (Bersara) [ Tanjung Karang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan data dan pelan tindakan Kementerian bagi menangani isu kesihatan mental di kalangan kanak-kanak mutakhir ini yang jumlahnya hampir mencapai setengah juta kes. Mengikut data akhir yang diperoleh bagi kanak-kanak yang terkesan dalam isu tersebut adalah sebanyak 424,000 kes pada tahun 2023.
13. PR-1532-L25163  
**Dato' Verdon bin Bahanda [ Kudat ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan peruntukan yang telah disalurkan kepada Parlimen Kudat untuk pembangunan kawasan bandar dan pekan sepanjang tahun 2023.
14. PR-1532-L24899  
**Dr. Radzi Jidin [ Putrajaya ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :
  - (a) peruntukan yang disalurkan bagi aktiviti belia dan sukan di Putrajaya melalui Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk tahun 2023 serta bulan Januari hingga Jun 2024; dan
  - (b) garis masa pewujudan Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Putrajaya.
15. PR-1532-L25104  
**Datuk Suhaimi bin Nasir [ Libaran ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah program TVET dapat disertai oleh belia dalam kategori *Stateless Children*.
16. PR-1532-L25233  
**Tuan Zahari bin Kechik [ Jeli ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini bagi baik pulih jalan runtuh di Jalan Persekutuan di laluan FT 006 km.73.85 Jalan Jeli - Dabong (Kampung Kubor Datu, Jeli Kelantan).

17. PR-1532-L25513  
**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menganjurkan lebih banyak acara sukan antarabangsa, seperti badminton, bola sepak ataupun temasya sukan, di luar kawasan Lembah Klang, terutamanya di Sabah dan Sarawak bagi membangunkan lagi ekosistem sukan dan mencapai perpaduan negara yang lebit erat.
18. PR-1532-L25197  
**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :
- (a) purata peningkatan pendapatan pekebun kecil terkini hasil pelaksanaan Program Agromakanan RISDA yang setakat Disember 2023 berada pada tahap RM 238/bulan; dan
  - (b) perancangan memastikan sasaran purata peningkatan RM 500/bulan menjelang akhir 2025 tercapai.
19. PR-1532-L25847  
**Puan Rodziah binti Ismail [ Ampang ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan kawasan perumahan terutama hartanah berstrata di seluruh negara yang ditentusahkan sebagai tidak layak didiami sekiranya tiada inisiatif regenerasi selepas satu tempoh jangka hayat atau tidak memenuhi kriteria daya huni di samping terma dan syarat untuk layak dibangunkan semula.
20. PR-1532-L24686  
**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :
- (a) status terkini sistem pendaftaran PADU dan apa perlunya pendaftaran sistem baru BUDI MADANI diperkenalkan; dan
  - (b) apakah perbezaan dan fungsi antara keduanya serta kos yang terlibat.
21. PR-1532-L24770  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibul ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan impak yang akan berlaku sekiranya bilangan *houseman* semakin menyusut dari setahun ke setahun. Apakah cara-cara untuk membanteras masalah kekurangan *houseman*. Siapa yang bertanggungjawab untuk mengagihkan *houseman* di dalam hospital-hospital awam di Sarawak. Mengapakah Sibul hanya mempunyai 15% *houseman*.

22. PR-1532-L25196  
**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan perincian berkenaan pengaplikasian teknologi baharu seperti blok rantai (*blockchain*) dalam Pelan Induk Industri Halal 2030 bagi memperkasakan ekosistem industri halal negara.
23. PR-1532-L24627  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perkembangan terbaru mengenai rancangan Kerajaan dalam meratifikasi konvensyen-konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Nyatakan jadual jangka masa yang telah digariskan untuk meratifikasi konvensyen-konvensyen penting selaras dengan tuntutan dan amalan antarabangsa.
24. PR-1532-L25130  
**Tuan Nurul Amin bin Hamid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan faktor kelewatan pembinaan semula Jambatan Kampung Nahan Mukim Tekai Kanan, Padang Terap.
25. PR-1532-L25042  
**Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah cabaran semasa yang dihadapi oleh Kerajaan dalam melaksanakan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP) khususnya dalam aspek libat urus dan pelaksanaan bersama sektor berimpak tinggi elektrik, elektronik, bahan kimia, aeroangkasa dan farmaseutikal demi memacu ekonomi negara yang lebih mampan.
26. PR-1532-L24540  
**Datuk Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapa jumlah pembekal padi benih yang berdaftar dengan Kementerian dan nyatakan jumlah subsidi yang diberikan kepada pihak berkenaan.
27. PR-1532-L25668  
**Tuan Jimmy Puah Wee Tse [ Tebrau ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penjelasan mengenai usaha untuk membina kompleks parkir baru di Hospital Sultanah Aminah dan Hospital Sultan Ismail Johor Bahru agar dapat mengatasi isu kesesakan parkir.

28. PR-1532-L24935  
**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah jumlah penduduk di Sik yang masih berada dalam kategori miskin tegar dan apakah jenis program-program yang telah dilaksanakan di Sik untuk membasmi kemiskinan tegar tersebut.
29. PR-1532-L24957  
**Puan Rodziah binti Ismail [ Ampang ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan signifikasi Jawatankuasa Komuniti Desa MADANI (JKDM) sedangkan badan pengurusan kampung sedia wujud di semua kampung seluruh negara sehinggakan Sabah, Sarawak dan beberapa negeri di Semenanjung membantah JKDM kerana dikhuatiri mengakibatkan pertindihan kerja dan kos malah mengelirukan masyarakat.
30. PR-1532-L24680  
**Dato' Sri Tuan Ibharm bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana Kementerian merancang untuk melindungi pembeli rumah daripada menjadi 'pemiutang' yang tidak dijamin dalam projek pembangunan Sell-to-build (STB) selari dengan pandangan yang dikeluarkan oleh Khazanah Research Institute.
31. PR-1532-L25829  
**Tuan Mohd Sany bin Hamzan [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat ingin membina dewan orang ramai di Bandar Seri Putra dalam Parlimen Hulu Langat untuk kegunaan masyarakat dalam aktiviti sehari-harian.
32. PR-1532-L24883  
**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam menambahbaik fasiliti dan perkhidmatan di Hospital Raja Perempuan Zainab II yang berhadapan dengan masalah kepadatan pesakit di dalam wad dan kekurangan jururawat.
33. PR-1532-L24604  
**Dato Anyi Ngau [ Baram ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan kedudukan terkini mengenai sistem PADU di Sarawak dan nyatakan langkah-langkah yang ditetapkan agar penduduk-penduduk di Sarawak khususnya golongan B40 tidak tersisih daripada objektif-objektif sistem PADU.

34. PR-1532-L24543

**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bentuk kerjasama yang telah dirangka Kerajaan Persekutuan bersama Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), GLC milik Kerajaan Negeri dan Koridor Wilayah dalam usaha memperkasa pengeluaran tanaman dan aktiviti agromakanan khususnya di negeri Kedah.

35. PR-1532-L24853

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :

- (a) berapa jumlah pelaburan yang dibawa masuk ke negara ini sejak 1 Januari 2023 sehingga Jun 2024 dan berapa yang telah direalisasikan; dan
- (b) berapa jumlah industri multinasional yang telah menutup operasi di Malaysia seperti kilang Goodyear dan mengapa.

36. PR-1532-L24902

**Dr. Radzi Jidin [ Putrajaya ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perkara berkaitan PADU:

- (a) bilangan pendaftaran PADU mengikut negeri dan bilangan penjawat awam yang mendaftar mengikut negeri; dan
- (b) bilakah PADU akan digunakan untuk tujuan penyaluran bantuan mengambil kira Kementerian Kewangan telah memperkenalkan pendaftaran BUDI MADANI untuk tujuan yang sama.

37. PR-1532-L24955

**Tuan Tan Hong Pin [ Bakri ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kebersediaan dan kajian fiskal untuk memberikan perlindungan yang menyeluruh daripada PERKESO terutamanya di luar waktu bekerja seboleh-bolehnya perlindungan 24 jam sehari bagi melengkapkan jaringan keselamatan sosial bagi kelas pekerja.

38. PR-1532-L24491

**Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [ Rompin ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status terkini pembinaan pusat rehabilitasi PERKESO di Terengganu dan adakah ada cadangan untuk mewujudkan pusat rehabilitasi di negeri Pahang.

39. PR-1532-L25146  
**Dato' Verdon bin Bahanda [ Kudat ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan kaedah penilaian yang digunakan Kerajaan dalam kategori miskin tegar dan miskin dan relevannya daerah Kudat terkeluar dari senarai daerah termiskin.
40. PR-1532-L24536  
**Datuk Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk menaik taraf sistem pengairan terutamanya menaik taraf sistem palong yang sudah berusaha lebih 40 tahun bagi meningkatkan lagi hasil tanaman padi di kawasan IADA Barat Laut Selangor.
41. PR-1532-L25969  
**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sama ada kementerian berhasrat untuk meratifikasi Konvensyen UPOV 1991, dan sama ada ini akan membawa impak negatif kepada petani dan penanam sayur di seluruh negara.
42. PR-1532-L25090  
**Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan yang diambil bagi jangka masa panjang dan pendek, apabila Malaysian Medical Association MMA melaporkan hanya 5% fasiliti kesihatan awam mempunyai tenaga kerja yang mencukupi serta peningkatan mendadak doktor yang meletakkan jawatan dan menolak jawatan tetap.
43. PR-1532-L25918  
**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah Kerajaan secara berterusan meningkatkan keupayaan belia Malaysia dalam TVET bagi memastikan keperluan industri berteknologi tinggi akan dipenuhi oleh warga kerja tempatan serta memastikan lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi yang menawarkan gaji setimpal dapat diwujudkan selaras dengan usaha menarik pelaburan berkualiti tinggi ke negara ini.



44. PR-1532-L25710

**Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah Kementerian bagi mengawal penawaran harga rumah mampu milik, ini kerana pemain industri berterusan memfokuskan penawaran harga rumah RM300,000 ke atas yang menjejaskan hasrat B40 dan M40 untuk memiliki rumah mampu milik.

45. PR-1532-L24746

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [ Sembrong ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah bentuk pendidikan dan program latihan di bawah institusi pendidikan TVET yang sedang dijalankan untuk mempersiapkan graduan TVET memiliki kemahiran bagi memenuhi permintaan dan keperluan pasaran yang sedang beradaptasi dengan Kecerdasan Buatan (AI).

46. PR-1532-L24632

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan masalah padi angin dalam industri padi beras negara serta kajian dan pendekatan dasar yang akan diambil ke hadapan ini dalam menangani masalah ini.

47. PR-1532-L25359

**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah ada usaha Kementerian untuk mengawal harga daging babi di pasaran runcit, khususnya babi ternakan tempatan. Berapa syarikat yang diberikan lesen mengimport dan senaraikan nama syarikat-syarikat ini, sama ada Kementerian akan membenarkan lebih banyak syarikat mengimport sebagai salah satu langkah mengawal harga dan kualiti.

48. PR-1532-L24635

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah susulan yang telah diambil lanjutan keputusan mesyuarat NACCOL berkaitan isu beras putih tempatan (BPT) Mac lalu dan nyatakan apakah penyelesaian kerajaan terhadap isu BPT ini.

49. PR-1532-L24983

**Tuan Tan Hong Pin [ Bakri ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bidang-bidang pekerjaan yang akan menerima impak terbesar daripada pembangunan kecerdasan buatan (AI) dalam masa 10 tahun akan datang dengan menyatakan bilangan pekerja yang terjejas dan perancangan Kementerian untuk membantu mereka yang terkesan.

50. PR-1532-L25788

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :

- (a) berapa ramai jumlah profesional dalam bidang teknologi maklumat (IT) tempatan yang telah diberhentikan berbanding profesional ekspatriat dalam bidang yang sama; dan
- (b) apakah tindakan dan jaminan pihak Kementerian bagi memastikan pasaran kerja untuk profesional tempatan dalam bidang ini terjamin kesan dari kemasukan syarikat teknologi yang banyak ke Malaysia.

51. PR-1532-L25833

**Tuan Riduan bin Rubin [ Tenom ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan enam fokus utama Kementerian merangkumi aspek Ekonomi dan Keusahawanan, Pengukuhan Tadbir Urus dan Kemampuan Agensi serta Anak Syarikat, Pendidikan, Infrastruktur dan Teknologi, Kepimpinan Desa serta Tatakelola dan Sistem Penyampaian telah berjaya menjadi *game changer* di dalam meransang pembangunan komprehensif di Wilayah Sabah.

52. PR-1532-L24776

**Tuan Lo Su Fui [ Tawau ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rasional pengurangan kawasan penerima "Skim Perubatan MADANI" kepada 10 daerah dimana 5 daerah berada di KL dan Selangor. Sabah hanya 1 daerah sahaja iaitu Kota Kinabalu sedangkan populasi Sabah berjumlah hampir 5 juta populasi (termasuk pekerja asing) selain keadaan geografi yang luas dan sukar diakses.

53. PR-1532-L25128

**Tuan Nurul Amin bin Hamid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status terkini projek Ternakan Ayam Pedaging Sistem Bertutup yang diperuntukkan RM30 juta di Kampung Kubang Palas Padang Terap.

54. PR-1532-L25994

**Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status semasa pelaksanaan Projek SMART Sawah Berskala Besar dalam usaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengatasi kekurangan bekalan makanan ruji di negeri Sabah.

55. PR-1532-L25162

**Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [ Temerloh ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :

- (a) berapa jumlah pelaburan yang berjaya direalisasikan sehingga kini sempena lawatan Perdana Menteri bagi menarik pelaburan dari negara China, Jepun, Qatar, Amerika Syarikat dan Jerman pada tahun 2023 dan 2024; dan
- (b) jumlah pelaburan berpotensi dari setiap negara dan bilakah jadual pelaburan-pelaburan berpotensi ini dijadualkan untuk direalisasikan.

56. PR-1532-L25414

**Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mekanisme bantuan tunai subsidi diesel bagi golongan nelayan dan petani yang akan dilaksanakan bagi memastikan tiada ketirisan dan penyelewengan serta dalam masa yang sama memastikan bekalannya sentiasa mencukupi.

57. PR-1532-L25005

**Dato' Azman bin Nasrudin [ Padang Serai ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah projek menaik taraf Hospital Kulim akan dimulakan memandangkan hospital ini tidak lagi dapat menampung jumlah pesakit yang semakin ramai dan ada juga pesakit yang datang dari daerah lain.

58. PR-1532-L24784

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah tindakan Kementerian dalam usaha menyegerakan pembinaan Hospital Maran yang telah diluluskan sejak RMK-11 lagi dan mengapa masih tiada apa-apa lagi tindakan sehingga kini.

59. PR-1532-L25154

**Datuk Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah balai bomba akan dibina di Kundasang memandangkan tapak untuk pembinaan balai bomba tersebut sudahpun dikenalpasti dan tersedia.

60. PR-1532-L24389  
**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [ Betong ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menangani aduan kerosakan jalan raya yang diterima menerusi aplikasi MYJalan, khususnya di Sarawak, dan bagaimanakah Kementerian merancang untuk meningkatkan lagi kesedaran dan penggunaan aplikasi MYJalan di kalangan rakyat.
61. PR-1532-L25370  
**Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :
- (a) senarai bilangan pemilikan rumah MySecondHome di Pulau Pinang tahun 2020 sehingga kini dan berapa harga rumah yang boleh dimiliki oleh warga asing melalui skim ini ; dan
  - (b) apakah usaha bagi memastikan rakyat Pulau Pinang memiliki rumah dahulu berbanding warga asing.
62. PR-1532-L24808  
**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah secara holistik diambil terhadap insentif '*1 stop centre*' bagi memberi konsultasi kesihatan mental di sekitar kawasan PPRT/PA dalam memainkan peranan penting demi kemaslahatan pembangunan masyarakat.
63. PR-1532-L25535  
**Tuan Azli bin Yusof [ Shah Alam ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini dan pencapaian langkah-langkah intervensi untuk memastikan bekalan Beras Putih Tempatan (BPT) mencukupi di pasaran yang dilaksanakan melalui OP BPT, OP JAMIN, Arahan Had Pembelian dan Program Khas Beras Putih Tempatan.
64. PR-1532-L24785  
**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :
- (a) berapa peratus rumah yang dimiliki oleh pekerja dan pendatang asing di negara ini; dan
  - (b) apakah langkah Kementerian dalam mengawal pertumbuhan pembinaan rumah / penempatan haram pendatang asing di Malaysia.

65. PR-1532-L25152  
**Datuk Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilakah projek naik taraf jalan Kg Perancangan-Nalumad, Ranau dan projek jalan Kg Miruru-Mentapok-Mangkadait akan bermula.
66. PR-1532-L24926  
**Dr. Hajah Halimah Ali [ Kapar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:
- (a) garis masa Kementerian untuk melengkapkan segala prasarana yang diperlukan di Klinik Kesihatan Meru bagi memastikan persekitaran kondusif untuk pesakit dan perawat; dan
  - (b) bilakah Kementerian akan mengatasi masalah di klinik pergigian yang mempunyai ruang menunggu terlalu sempit hingga pesakit terpaksa menunggu di luar.
67. PR-1532-L25357  
**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah status terkini bekalan beras putih tempatan di pasaran runcit, memandangkan masih terdapat rungutan bahawa sukar mendapat bekalan beras putih tempatan di pasaran runcit. Apa langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah yang telah berlarutan sejak tahun lepas.
68. PR-1532-L25506  
**Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [ Sri Aman ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengawal dan mencegah penularan penyakit berjangkit seperti denggi, tuberkulosis dan penyakit zoonotik dan sebagainya. Bagaimana Kementerian memastikan siap siaga dan tindak balas yang cepat terhadap wabak-wabak baru.
69. PR-1532-L24888  
**Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha Kementerian bagi membantu PBT melaksanakan tanggungjawab pemantauan, pemeriksaan, pemuliharaan dan penebangan pokok-pokok yang berisiko tumbang, terutama belajar dari pengalaman buruk menghadapi bencana pokok tumbang di Kuala Lumpur baru-baru ini.

70. PR-1532-L25544  
**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan gelaran nama persimpangan keluar WCE Taiping Selatan kepada Bukit Gantang memandangkan kedudukan jajaran Beruas - Changkat Jering terletak di kawasan Parlimen Bukit Gantang.
71. PR-1532-L24713  
**Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :
- (a) statistik pesakit kanser mengikut jenis dari tahun 2013 hingga 2023; dan
  - (b) perancangan Kementerian bagi menyelesaikan isu pesakit kanser yang terpaksa menunggu lama untuk mendapat diagnosis doktor pakar sehingga kanser yang dihadapi telah bertukar ke tahap kritikal.
72. PR-1532-L24875  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perkembangan permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhubung :
- (a) jalan susur keluar Lebuhraya PLUS di Bukit Tambun (dari arah utara) di Parlimen Batu Kawan. Alternatif yang diambil kementerian sekiranya ia tidak diluluskan ; dan
  - (b) cadangan lebuhraya bertol di Projek Penang Island Link I (PILI).
73. PR-1532-L25365  
**Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :
- (a) apakah Kementerian berhasrat untuk meminda undang-undang berkaitan pemilikan secara *lease hold* kepada *free hold* khusus bagi kediaman ; dan
  - (b) perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang bagi menyelesaikan isu perumahan berstatus *lease hold* yang banyak tidak terjual dan terbiar.

74. PR-1532-L25044  
**Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah cabaran dan kayu ukur oleh Kementerian dalam memastikan polisi dan dasar yang mengutamakan kelestarian dan kemampuan boleh dilaksanakan dalam semua aspek pelaksanaan projek JKR selari dengan agenda merealisasikan Sustainable Development Goal (SDG).
75. PR-1532-L25048  
**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [ Langkawi ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah status terkini anggaran pelaburan berjumlah RM170 bilion daripada misi Perdagangan dan Pelaburan (TIM) ke Republik China pada 29 Mac hingga 3 April 2023 yang telah direalisasikan setakat ini.
76. PR-1532-L25278  
**Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah status pembinaan stadium mini di Sungai Petani.
77. PR-1532-L24821  
**Tuan Haji Kamal bin Ashaari [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah permohonan yang diluluskan serta dana Kerajaan yang telah diperuntukkan dan disalurkan bagi memberi geran menaik taraf rumah ibadat bukan Islam.
78. PR-1532-L24839  
**Tuan Zahir bin Hassan [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :  
(a) apakah sebab kelewatan siap Seksyen 3B, 3C, 3D dan 3J di dalam Pakej 3 pembinaan Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama (LTU); dan  
(b) apakah tindakan mitigasi untuk memastikan projek tersebut siap dalam masa terdekat serta tarikh siap terkini.
79. PR-1532-L25543  
**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah cadangan Kerajaan untuk membina dan membangunkan pusat jualan buah-buahan kerana dengan pembukaan Lembuh Raya Pantai Barat (WCE) di jajaran Beruas ke Taiping Selatan telah menjejaskan pendapatan peniagaan buah-buahan di kawasan Trong.

80. PR-1532-L24772  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibú ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang perlu dilakukan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat supaya memahami masalah kesihatan mental dan merujuk kepada doktor jika memerlukan. Apakah rancangan untuk meningkatkan bilangan pakar psikiatri, pegawai psikologi dan kaunselor dalam negara kita.
81. PR-1532-L25087  
**Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam membendung dan menangani 'Antimicrobial Resistance' terutama pada peringkat penjagaan kesihatan premier.
82. PR-1532-L24997  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah pembinaan Lebuhraya Pan Borneo jajaran Tobobon - Telipok - Bulatan Berungis akan siap, dan adakah pihak Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan *elevated u-turn* di hadapan Hospital Tuaran.
83. PR-1532-L25207  
**Datuk Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pendekatan baharu Kementerian dalam menangani sindiket penipuan tawaran kerja dalam talian yang semakin berleluasa serta tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap syarikat atau individu yang terlibat.
84. PR-1532-L24699  
**Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah strategi dan pelan jangka pendek yang akan dilaksanakan pihak Kementerian dalam mengatasi miskin tegar di Kelantan dalam masa yang sama Kerajaan mengambil langkah menarik subsidi (penyasaran subsidi) di samping kenaikan harga barang yang semakin meruncing.
85. PR-1532-L25706  
**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperkenalkan Rang Undang-Undang Akta Psikologi di Malaysia, memandangkan terdapat peningkatan dalam amalan pseudo-psikologi di negara ini dan kekurangan peraturan yang meletakkan pengguna pada risiko yang ketara.



86. PR-1532-L25982  
**Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [ Gua Musang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf jalan Gua Musang ke Cameron Highland yang sentiasa mengalami kerosakan terutama apabila musim hujan.
87. PR-1532-L25053  
**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [ Langkawi ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah strategi konkrit kerajaan dalam menguruskan isu pekerja kesihatan bertaraf kontrak.
88. PR-1532-L24835  
**Tuan Zahir bin Hassan [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :
- (a) apakah bentuk-bentuk pelanggaran peraturan dalam pengeluaran dana akaun HDA projek pembangunan dan berapa kes bagi setiap bentuk pelanggaran dalam tempoh tujuh tahun lepas; dan
  - (b) apakah bentuk tindakan yang telah dan akan diambil dalam penyalahgunaan pengeluaran dana selain daripada bagi tujuan projek berkenaan.
89. PR-1532-L25459  
**Tuan Edwin anak Banta [ Selangau ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah status pelaksanaan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 dan adakah terdapat pencapaian atau cabaran tertentu yang telah dikenal pasti.
90. PR-1532-L25273  
**Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini projek rintis pemasangan garisan jalan bercahaya dalam gelap dan apakah perancangan terbaharu Kementerian bagi memastikan kos pemasangan garisan jalan yang kini bernilai RM749 setiap meter persegi dapat dikurangkan dan seterusnya dapat diperluas ke kawasan luar bandar di seluruh negara.
91. PR-1532-L25987  
**Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah KPI (*Key Performance Indicator*) yang telah ditetapkan oleh Program Komuniti Desa MADANI di Sabah.

92. PR-1532-L25412  
**Datuk Wetrom bin Bahanda [ Kota Marudu ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :
- (a) berapa peruntukan yang telah dilaksanakan dan sedang dilaksanakan di Kota Marudu sejak Kerajaan MADANI memerintah dan senaraikan projek yang sedang berjalan dan peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian di kawasan Kota Marudu; dan
  - (b) apakah status naik taraf, jalan Sebayan - Nangka, Matunggong, Kudat, dalam Parlimen Kota Marudu.
93. PR-1532-L24626  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan persediaan Kementerian memperkenalkan *Multi-tier Levy System* untuk pengambilan pekerja asing. Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi serta kesanggupan dan maklum balas daripada pihak industri yang terkesan daripada dasar ini.
94. PR-1532-L25515  
**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk membina projek rumah PPR yang baru bagi mengurangkan koloni setinggan di Sandakan, memandangkan daerah Sandakan antara daerah yang mempunyai bilangan rumah setinggan yang terbanyak di Sabah.
95. PR-1532-L25463  
**Tuan Edwin anak Banta [ Selangau ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan mengenai pelaksanaan langkah-langkah khusus Rancangan Strategik Semikonduktor dan pelaksanaannya di Sarawak, mengambil kira potensi sumber semulajadi yang banyak di Sarawak.
96. PR-1532-L24860  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan peranan Kerajaan dalam menyelaras pembangunan antara negeri dengan:
- (a) mengelakkan persaingan pelaburan antara negeri yang merugikan negara, inisiatif memanfaatkan sumber alam dengan cekap serta saling melengkapi dan penyaluran geran terhadap lokasi yang bertetapan dengan pulangan yang maksimum; dan
  - (b) penyediaan insentif galakan kepada pemaju yang membangunkan taman-taman perindustrian berteknologi tinggi.

97. PR-1532-L25189  
**Tuan Chiew Choon Man [ Miri ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini serta jadual kerja bagi pelaksanaan kerja-kerja awalan (ukur dan siasatan tapak) bagi projek naik taraf Bulatan Pujut 3 (Bulatan GK) kepada persimpangan lampu isyarat, dan juga kerja menaik taraf Jalan Bulatan Puchong ke Lorong Sungai Lutong.
98. PR-1532-L25797  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan rancangan menyediakan stesen pengecasan (*charging station*) untuk kereta elektrik (*Electric Vehicle*) di seluruh negara.
99. PR-1532-L24782  
**Tuan Lo Su Fui [ Tawau ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan penyelesaian berkenaan isu pelantikan JKDM di Sabah sedangkan ini telah bertindih dengan Ordinan Pentadbiran Luar Bandar Sabah yang memberi kuasa dan autonomi kepada kerajaan negeri untuk melantik serta mengurus pentadbiran jawatankuasa kampung seperti JKKK.
100. PR-1532-L24836  
**Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [ Merbok ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana sambutan dan pencapaian untuk Green Investment Tax Allowance (GITA) Asset bagi peralatan pengecasan (sebagai aset syarikat) dan Green Income Tax Exemption (GITE) Services bagi servis berkaitan pengecasan seperti pemasangan, penyelenggaraan dan sebagainya untuk kenderaan elektrik.
101. PR-1532-L25808  
**Datuk Willie anak Mongin [ Puncak Borneo ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status cadangan pembinaan Pusat Rehabilitasi PERKESO di Kuching Sarawak yang pernah saya utarakan di dalam Dewan Rakyat. Adakah Kementerian berhasrat merealisasikan cadangan ini demi kesejahteraan rakyat dari sabah dan Sarawak.
102. PR-1532-L24754  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sama ada subsidi RON95 akan ditarik balik bersama diesel, tarikhnya ia akan dilaksanakan, jumlah diijamatkan dan jenis bantuan kewangan yang akan diberikan untuk golongan B40, M40 dan golongan perniagaan.

103. PR-1532-L25323

**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan dalam usaha Kerajaan menokhtahkan kemiskinan tegar secara mampan di seluruh negara, adakah Kerajaan bersedia untuk menyediakan peruntukan melalui butiran khusus bagi setiap Kementerian yang terlibat sejajar dengan pendekatan 'Whole of Nation Approach'.

104. PR-1532-L24562

**Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [ Bachok ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perancangan terperinci pihak Kerajaan dalam meletakkan Malaysia sebagai antara 30 ekonomi terbesar dunia seperti mana dinyatakan sebagai antara salah satu daripada tujuh matlamat yang ingin dicapai dalam naratif Ekonomi MADANI.

105. PR-1532-L25629

**Tuan Lee Chuan How [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan strategi, rancangan ataupun inisiatif untuk menyokong dan memperkembang (di peringkat digital) syarikat-syarikat dan perniagaan-perniagaan semikonduktor tanah air yang mana pada 2023 sahaja, telah menghasilkan 35.23 bilion semikonduktor, menempatkan Malaysia pada tangga ke-10 terbaik dunia.

106. PR-1532-L25644

**Tuan Lee Chuan How [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan rancangan ataupun inisiatif untuk menghubungkan negara-negara anggota ASEAN dalam ekosistem ekonomi digital bagi mencipta blok ekonomi yang kukuh untuk menyumbang kepada pasaran global, menjelang Malaysia menjadi tuan rumah bagi ASEAN 2025.

107. PR-1532-L25213

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [ Tampin ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rangka strategi baharu untuk menokhtahkan krisis kekurangan kakitangan atau doktor yang telah melanda negara sejak sekian lama di kebanyakan klinik dan hospital kerajaan supaya dapat menjamin mutu sistem penjagaan kesihatan awam, khususnya terhadap masyarakat luar bandar.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :

**"Bahawa Dewan ini,**

membuat ketetapan bahawa Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) 2021 dan Tahun 2022 (Kertas Statut ST.86 Tahun 2024 dan ST.87 Tahun 2024) untuk membahaskan isu-isu dan syor-syor yang terkandung dalam kedua-dua Laporan Tahunan ini;

**memperakui** bahawa aspirasi dan komitmen Kerajaan yang telus dan berintegriti dalam usaha melindungi, memenuhi tanggungjawab dan menghormati isu hak asasi manusia telah mengangkat dan menjadikan SUHAKAM sebagai satu badan bebas yang dikenali di peringkat nasional dan antarabangsa sehingga diberi pengiktirafan status A di bawah Prinsip-prinsip Paris (*Paris Principles*) selain mampu mewujudkan kerjasama yang baik antara agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) demi melindungi dan mempromosi hak asasi manusia di Malaysia;

**menyedari** bahawa di dalam era dunia digital ini dengan kemudahan memperolehi maklumat dari internet dan media sosial menyebabkan pentingnya isu hak asasi manusia untuk diberi penjelasan dan pencerahan oleh pihak SUHAKAM dan Kerajaan bagi memastikan agenda Kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat difahami dengan baik dan ditangani dengan sewajarnya selain keperluan Kerajaan untuk membantu/bekerjasama rapat dengan SUHAKAM dalam memperkukuhkan lagi usaha mempertingkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia dan menjaga serta menangani pelbagai isu sosial, ekonomi, kebudayaan serta politik di kalangan rakyat;

**mengambil maklum** akan cabaran yang dihadapi oleh SUHAKAM dalam menjalankan mandat dan tanggungjawabnya memerlukan perhatian daripada pihak berkaitan selain pertimbangan bagi melaksanakan dengan berkesan syor-syor utama yang terkandung dalam laporan tersebut serta memahami keperluan Kerajaan menandatangani dan menyertai/meratifikasi triti dan konvensyen antarabangsa berkenaan hak asasi manusia bagi memperkasakan lagi hala tuju dalam memupuk dan mempertahankan hak asasi manusia di Malaysia;

**menyokong** kepentingan perbahasan Laporan Tahunan ini bagi mencerminkan kesungguhan yang berterusan oleh Kerajaan dalam memelihara dan melindungi hak asasi manusia melibatkan pelbagai lapisan masyarakat; dan

**Bahawa** dalam SUHAKAM melaksanakan mandatnya mempromosi dan melindungi Hak Asasi Manusia di Malaysia, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama bertanggungjawab dan bersatu hati dan menyokong Kerajaan agar pelaksanaan syor, pandangan dan cadangan yang terkandung dalam laporan tersebut dapat disahkan dan diluluskan."

**Menyambung semula perbahasan atas masalah ( 27 Jun 2024 )**

2. ( D.R.7/2024 ) Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ]**
3. ( D.R.16/2024 ) Rang Undang-Undang Audit (Pindaan) 2024. “
- [ Perdana Menteri ]**
4. ( D.R.13/2024 ) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," ( 27 Mac 2024 )**
- [ Menteri Dalam Negeri ]**

5. PR-1532-U(27)328

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhannya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini.

Malah, dengan pengenalan semula GST ini, maka tidak perlu lagi dilaksanakan sistem e-Invois yang hanya akan menghuru-harakan para peniaga kecil dan sederhana."

**[ Menteri Kewangan ]**

6. PR-1532-U(27)329

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengeluarkan gula daripada diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dalam usaha mengurangkan penyakit diabetes dalam kalangan rakyat Malaysia berbanding langkah Kerajaan memperkenalkan sistem penggredan untuk kandungan gula.

Harga gula di Malaysia kini kekal rendah dan di bawah harga siling adalah disebabkan pemberian insentif oleh Kerajaan sebanyak RM42 juta sebulan kepada semua pengilang gula di negara ini mulai November 2023 dan telah menyebabkan harga gula di Malaysia, yang bukan negara pengeluar gula, antara yang terendah di dunia.

Malah, Malaysia kini juga mempunyai kadar diabetes tertinggi di rantau Pasifik Barat dan antara tertinggi di dunia. Dan, dijangka tujuh juta individu berumur 18 tahun ke atas di Malaysia berpotensi menghidap penyakit kencing manis atau pra-diabetes menjelang tahun 2025.

Kerajaan perlu bertindak sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) pada 2013, yang memansuhkan subsidi gula dan kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada tahun 2019 yang mengenakan cukai ke atas minuman bergula yang secara tidak langsung akan dapat membendung krisis penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia dan mampu mengurangkan kos perubatan negara."

**[ Menteri Kewangan ]**

7. PR-1532-U(27)330

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk meningkat dan memperketatkan kawalan keselamatan serta ketenteraman negara pada tahap tertinggi terutama di lokasi-lokasi sensitif, premis kerajaan, tempat-tempat tumpuan awam dan fasiliti berkepentingan.

Kesemua peringkat kepimpinan pasukan keselamatan negara serta petugas di lapangan perlu mengambil langkah-langkah komprehensif semasa menjalankan tugas dengan mematuhi pekeliling dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah dikeluarkan bagi mengelakkan insiden seperti yang berlaku di Balai Polis Ulu Tiram, Johor kembali berulang dan mengorbankan mereka yang tidak bersalah.

Perhatian dan tindakan serius dari Kerajaan perlu segera diambil bagi menangani kegusaran masyarakat umum mengenai tahap keselamatan dan ketenteraman negara."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

8. PR-1532-U(27)331

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memberi komitmen secara menyeluruh dalam usaha mengekalkan 50 peratus litupan hutan di Malaysia susulan laporan "*State of the Malaysian Rainforest*" oleh pemerhati alam sekitar, RimbaWatch mengenai 3.2 juta hektar hutan semula jadi berisiko ditebang manakala sebanyak 2.4 juta hektar berada dalam ancaman hutan balak iaitu kira-kira sebesar saiz gabungan Johor dan Negeri Sembilan.

Koordinasi oleh kementerian yang bertanggungjawab mesti dilaksanakan secara bersepadu dengan bantuan, sokongan dan kerjasama komuniti saintifik, masyarakat tempatan, agensi-agensi kerajaan tempatan, negeri dan persekutuan, serta pembabitian pihak swasta dan korporat. Dan, Malaysia perlu menjadi teladan kepada dunia dalam usaha memerangi krisis kehilangan sumber kepelbagaian biologi dan perubahan iklim."

**[ Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ]**

9. PR-1532-U(27)323

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk mempertimbang dan/atau menarik semula keputusan penjualan sebahagian saham Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) kepada Global Infrastructure Partners (GIP) milik BlackRock Inc."

**[ Menteri Kewangan ]**

10. PR-1532-U(27)324

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk menggantikan penggunaan nama Israel kepada Negara Palestin yang diduduki atau *Occupied State of Palestine* bagi merujuk negara haram di bawah Regim Zionis."

**[ Menteri Luar Negeri ]**

11. PR-1532-U(27)325

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan laporan kajian menyeluruh untuk memahami punca pelajar tidak menduduki peperiksaan SPM agar tidak terus membarah.



Penerangan ini melibatkan tinjauan, perbincangan kumpulan fokus atau inisiatif penglibatan komuniti untuk mengumpulkan maklumat langsung daripada pelajar yang terjejas dan keluarga mereka.

Seramai 10,160 pelajar yang mendaftar SPM 2023 tidak menduduki peperiksaan tersebut. Daripada 383,685 calon yang baru mendaftar, hanya 373,525 yang hadir dan mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran.

Mereka akan menghadapi pilihan pekerjaan yang terhad. Jawatan yang boleh selalunya memerlukan kurang kepakaran dan menawarkan gaji yang lebih rendah, menjadikannya lebih sukar bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Akibatnya, memenuhi keperluan asas seperti perumahan, penjagaan kesihatan dan keperluan boleh menjadi cabaran besar bagi mereka seterusnya membawa kepada insiden kemiskinan pada masa hadapan."

#### [ Menteri Pendidikan ]

12. PR-1532-U(27)326

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan dasar keterlibatan yang jelas dan polisi penerimaan maklumat bagi memudahkan masyarakat tempatan membuat persediaan awal terhadap kesan limpahan ekonomi melalui pembangunan mega tersebut.

Dasar ini menyokong jalinan libat urus pihak Kerajaan kepada masyarakat setempat bagi meningkatkan kefahaman khusus terhadap potensi limpahan ekonomi untuk setiap lokaliti disamping memberi ruang sokongan peluang pekerjaan kepada bakat tempatan. Pengesahan projek mega seperti contoh Projek Lebuh Raya Pan Borneo, MRT dan ECRL sewajarnya diberi maklum secara khusus seperti contoh program kerjasama jalinan bersama penduduk setempat dari sudut manfaat ekonomi sama ada sebelum, semasa dan selepas pembinaan. Dengan keterlibatan yang menyeluruh ini akan memberi ruang persediaan kepada penduduk setempat menjadi sebahagian dari penyumbang dan pemilik pertumbuhan ekonomi lokaliti.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau spill over impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat."

#### [ Menteri Ekonomi ]

13. PR-1532-U(27)327

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan kertas putih bagaimana strategi untuk mencapai sasaran 300,000 pekerja tambahan yang terdiri dari 60,000 pekerja jurutera mahir tempatan dalam industri semikonduktor dan mengekalkan Malaysia sebagai salah satu pengeksport utama dunia dengan jumlah RM1.2 trillion nilai eksport menjelang 2030.

Walau bagaimanapun, jumlah pelajar dalam bidang kejuruteraan telah menurun sehingga 18% manakala jumlah jurutera juga turut menurun sehingga 30% semenjak 5 tahun kebelakangan ini. Penurunan ini juga memberi impak berganda dengan perpindahan bakat ke luar negara sebanyak 20% kesan dari peluang pekerjaan yang lebih baik.

Oleh yang demikian, terdapat keperluan pihak Kerajaan dan agensi menerangkan pelan tindakan jalinan kerjasama industri dengan pihak institusi pengajian dan memberi justifikasi untuk membenarkan pelajar luar negara dari bidang kejuruteraan di universiti tempatan untuk bekerja di dalam industri semikonduktor di Malaysia sekurangnya dua atau tiga tahun."

**[ Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 94	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia Bagi Tahun 2022	1 Julai 2024
ST. 95	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SMEECorp) Bagi Tahun 2022	1 Julai 2024
ST. 100	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi Bagi Tahun 2022	1 Julai 2024

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
YB Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)	1. Membendung Kes Perneragangan Rakyat Malaysia  2. Kenaikan Kos Premium Insurans Perubatan	1. YB Menteri Luar Negeri  2. YB Menteri Kewangan
YB Tuan Shahrizukir bin Abd. Kadir (Setiu)	3. Pemuliharaan Muara Sungai Setiu  4. Naik Taraf Mini Stadium Sungai Tarom, serta Bina Baharu dan Baik Pulih Kemudahan Sukan di Parlimen Setiu	3. YB Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air  4. YB Menteri Belia dan Sukan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**